

TERMA & SYARAT

SYARAT DAN TERMA PEMBELIAN PLAT KHAS UNIMAS

1. Pembelian terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Orang awan atau pengguna portal UNIMAS8 disarankan untuk menggunakan Browser Chrome Version 73 dan ketas atau Browser Mozilla Firefox bagi paparan yang terbaik.
3. Pembida dibenarkan membida dan membeli lebih dari satu (1) nombor.
4. Nombor pendaftaran plat khas UNIMAS hanya boleh digunakan untuk daftar kenderaan di Malaysia sahaja.
5. Semua pembelian hendaklah dilakukan melalui bidaan terbuka di laman rasmi portal bidaan UNIMAS, <http://www.unimas.my/unimas8>
6. Semua bidaan atas talian memerlukan penggunaan kad kredit/kad debit dan perbankan dalam talian (FPX).
7. Deposit bagi kategori nombor Menarik, Popular 2 Digit, Popular 3 Digit, Popular 4 Digit, Istimewa dan Semasa adalah 100% daripada nilai bidaan pertama pembida. Setelah keputusan menang diterima, pembida boleh membuat bayaran selebihnya (jika ada) untuk menuntut sijil kelulusan JPJ.
8. Setiap bidaan dijadualkan untuk tamat pada pukul 12.00 tengahari. Jika terdapat bidaan diletakkan dalam masa 2 minit terakhir sebelum tamat, masa tamat bidaan bagi *item* tersebut akan dipanjangkan iaitu sebanyak 5 minit masa tambahan. Sekiranya terdapat lagi bidaan dalam setiap 5 minit masa tambahan, maka masa tamat akan terus dipanjangkan lagi selama 5 minit masa tambahan sehingga tiada lagi bidaan dalam masa 2 minit terakhir. Sehubungan itu, ada bidaan yang akan tamat tepat jam 12.00 tengahari dan mungkin berbeza untuk yang lain. Semua keputusan bidaan melalui portal bidaan UNIMAS adalah muktamad dan sebarang rayuan/permohonan perubahan tidak akan dilayan.
9. Pendaftaran dan kegunaan nombor plat khas UNIMAS masih tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalanraya, Kementerian Pengangkutan Malaysia.
10. Bagi urusan penukaran nama hak-milik nombor plat setelah berjaya dalam bidaan, pembida hendaklah:-
 - a. Muat turun borang P01/1 dari www.unimas.my/unimas8, melengkapkan dan menyerahkan borang ke pejabat Bahagian Endowmen & Wakaf.

- b. Penukaran nama perlu dimaklumkan selewat-lewatnya 7 hari setelah pemenang diumumkan. Caj RM20 akan dikenakan untuk cetakan semula (jika maklumat perlu diubah).

Tempoh penukaran nama adalah tertakluk kepada Admin. Penukaran nama pemunya boleh dirujuk di Admin > Winner By Category > Klik Edit Owner Detail

Juga telah disediakan butang untuk
Generate Certificate
Print Certificate
Re-print Certificate

11. Selepas proses sistem bidaan tamat sistem UNIMAS8 akan mengemaskini data pemenang. Pembida dengan nilai bidaan yang tertinggi akan menjadi pemenang dan dimaklumkan dalam :

Paparan Admin
Admin > Winner By Category
Admin > All Winner List

Paparan User (Pembida)
My profiles > Summary > Auctions You Won

12. Setelah berjaya dan menerima sijil tawaran dari pejabat Bahagian Endowmen & Wakaf:

- a. Pembeli perlu menghubungi pejabat Bahagian Endowmen & Wakaf dan memilih tarikh untuk mengambil sijil tawaran rasmi plat khas UNIMAS dari pejabat Bahagian Endowmen & Wakaf.
- b. Pendaftaran nombor plat khas UNIMAS tersebut perlu didaftarkan dalam tempoh 12 bulan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Kuching, Sarawak atau JPJ Wangsa Maju, Kuala Lumpur.
- c. Sebarang pindah-milik setelah nombor plat khas UNIMAS didaftarkan pada kenderaan hendaklah berurusan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang terdekat.

13. Sijil tawaran asal hanya akan dikeluarkan sekali. Pihak pembida berjaya dinasihatkan menyimpan sijil tawaran rasmi dengan baik dan tidak cuai. Cetakan semula sijil tawaran rasmi hanya boleh dilakukan jika bukti kehilangan yang sah (cth; laporan polis) dapat dikemukakan dan akan dikenakan caj RM20.

14. Segala keputusan bidaan adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan. UNIMAS mengamalkan polisi tiada hadiah dan berharap semua pihak menghormati proses penjualan plat khas ini.

15. Bagi pembeli yang telah menang dan mempunyai kesukaran untuk mengambil sijil rasmi di pejabat Bahagian Endowmen & Wakaf:

- a. Pembeli boleh menghantar wakil untuk mengambil sijil rasmi dan perlu membawa salinan kad pengenalan pembeli.

- b. Perkhidmatan pos turut disediakan, namun pihak UNIMAS tidak menanggung sebarang risiko kerosakan atau kehilangan terhadap sijil. Bayaran perkhidmatan penghantaran sebanyak RM15 akan dikenakan.
16. Bagi pembeli yang menolak nombor pendaftaran yang telah dimenangi, nombor pendaftaran kenderaan tersebut akan ditarik balik tanpa sebarang notis. Manakala bayaran yang telah dibuat **TIDAK** akan dikembalikan dan menjadi hasil universiti.

SYARAT-SYARAT KHAS LAIN PENJUALAN

- 1. Kesemua harga bidaan nombor plat khas UNIMAS yang dipaparkan dalam sistem adalah muktamad dan telah diluluskan pihak pengurusan tertinggi Universiti.